

RISALAH MAKLUMAT PESAKIT **Soliqua® [INSULIN GLARGINE/LIXISENATIDE]**

Apakah kegunaan ubat ini?

Soliqua® ialah suntikan yang mengandungi dua ubat: Insulin Glargine dan Lixisenatide.

Ubat-ubatan ini membantu mengawal kencing manis.

Insulin glargine bertindak lama dan membantu menurunkan gula darah sepanjang hari.

Lixisenatide berfungsi memperlahankan penyerapan gula ke dalam badan dengan memperlahankan pergerakan makanan dari perut anda ke usus kecil. Lixisenatide juga mengawal jumlah insulin yang dibuat oleh badan bergantung pada gula.

Bagaimanakah saya harus mengambil/menggunakan ubat ini?

- Soliqua® perlu disuntik sehari sekali
- Soliqua® perlu disuntik 1 jam sebelum makan, sebaik-baiknya pada masa makan yang sama setiap hari, pada masa makan yang paling selesa untuk diri anda
- Suntikkan Soliqua® ke dalam tisu lemak yang berada di antara lapisan kulit dan otot pada bahagian atas lengan, paha atau perut (abdomen).
- Gunakan teknik suntikan yang dinasihatkan oleh doktor atau jururawat anda dan seperti yang diterangkan dalam manual.
- Pastikan cecair kelihatan jelas dan tidak berwarna sebelum digunakan.
- Jangan gunakan jika ia kelihatan keruh, berbutir atau jika zarah kelihatan.

Apakah perlu saya lakukan jika saya terlupa mengambil/menggunakan ubat ini?

Jika anda terlepas sesuatu dos, suntikkan dos seterusnya pada masa yang biasa dilakukan pada hari berikutnya.

Jangan menyuntik dua dos pada masa yang sama.

Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu saya ambil?

Beritahu profesional penjagaan kesihatan anda jika anda:

- Alah kepada ubat ini atau sebarang bahan lain ubat ini
- Makan kurang daripada biasa disebabkan penyakit atau perubahan diet kerana dos anda mungkin perlu diubah
- Dalam perjalanan merentasi zon waktu yang berbeza. Anda mungkin perlu mengubahsuaikan berapa kali anda makan dan dos insulin anda berdasarkan tempat perjalanan anda.
- Sedang hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan
- Mengalami masalah perut atau usus atau kelewatan pengosongan perut (gastroparesis).

- Mengalami atau pernah mengalami masalah dengan pankreas anda atau batu karang dalam pundi hempedu anda
- Mengalami masalah buah pinggang atau hati

Apakah beberapa kesan sampingan ubat ini?

Seperti semua ubat, ubat ini mungkin menyebabkan beberapa kesan sampingan tetapi tidak semua orang akan mengalaminya. Dapatkan nasihat profesional penjagaan kesihatan anda jika sebarang kesan sampingan tersebut menjadi teruk atau menyusahkan.

Kesan sampingan yang lazim bagi Glargine dan Lixisenatide termasuk:

- Rasa loya
- Muntah-muntah
- Cirit-birit
- Hidung tersumbat atau berair
- Sakit tekak
- Gula darah rendah (hipoglisemia)

Ubat ini boleh menyebabkan gula darah rendah (hipoglisemia). Gejala gula darah rendah termasuk:

- Kelemahan
- Pening
- Lapar
- Berpeluh
- Menggeletar
- Penglihatan kabur
- Berjalan tidak stabil
- Degupan jantung yang cepat

Jika anda mengalami mana-mana gejala gula darah rendah ini, lakukan perkara berikut dengan segera:

Langkah 1: Periksa paras gula darah anda dengan menggunakan meter gula darah rumah (glukometer) jika ada. Jika gula darah anda kurang daripada 4 mmol/L, ambil 15 gram gula bertindak pantas. Contoh 15 gram gula bertindak pantas termasuk:

- 3 biji glukosa atau
- Setengah gelas jus buah (200ml) atau
- Setengah tin minuman ringan atau minuman manis (175ml) atau
- 1 tin minuman ringan kurang gula (330ml) atau
- 3 sudu teh gula, madu atau sirap

Langkah 2: Pantau diri anda selama 15 minit. Jika anda mempunyai glukometer (meter gula darah rumah), periksa paras gula darah anda sekali lagi selepas 15 minit.

Langkah 3: Jika paras gula darah anda masih kurang daripada 4 mmol/L atau anda masih mengalami gejala gula darah rendah, anda harus mengambil tambahan 15 gram gula bertindak pantas seperti Langkah 1.

Jika gejala anda tidak berhenti, pergi jumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera.

Langkah 4: Makan seperti biasa atau makan snek jika paras gula darah anda adalah 4 mmol/L ke atas selepas mengambil gula bertindak cepat tadi.

Beritahu doktor anda tentang kejadian gula darah rendah anda semasa lawatan klinik anda yang seterusnya.

Gula darah rendah mungkin berlaku jika anda:

- Menyuntik terlalu banyak insulin
- Tidak makan ikut waktu, terlepas makan atau menukar diet anda
- Bersenam atau bekerja terlalu keras sejurus sebelum atau selepas makan
- Tidak makan dengan baik kerana jangkitan atau penyakit (terutamanya cirit-birit atau muntah-muntah)
- Minum minuman keras ketika perut kosong semasa menyuntik insulin
- Mengalami masalah buah pinggang atau hati yang semakin teruk

Sesetengah pesakit juga mungkin mengalami sakit ringan, kemerahan, lebam, bengkak, benjolan atau lekuk kecil pada kulit di tempat suntikan,

- Jangan gunakan semula jarum anda, bertukar ganti tempat suntikan dalam kawasan yang disyorkan dan gunakan jarum yang lebih pendek (4mm atau 6mm) untuk mengurangkan kemungkinan timbulnya tindak balas sedemikian.
- Kesan sampingan ini juga biasanya hilang dalam beberapa hari hingga beberapa minggu.
- Jumpa doktor jika anda kerap mengalami sedemikian. Teknik suntikan anda mungkin perlu disemak.

Apakah beberapa kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius yang perlu saya dapatkan nasihat perubatan dengan segera?

Jika kesan sampingan yang serius berikut berlaku, anda harus berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera:

- Pankreatitis (keradangan pankreas) adalah kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius bagi ubat ini. Gejala pankreatitis termasuk:
 - Sakit yang teruk di bahagian perut, abdomen atau belakang badan
 - Rasa loya atau muntah-muntah yang tidak reda
 - Demam

Jumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera jika paras gula dalam darah anda selalu rendah (kurang daripada 4 mmol/L) atau anda terus mengalami gejala gula darah rendah walaupun selepas mengambil sedikit gula (lihat arahan di atas untuk pengurusan gula darah rendah).

Apakah makanan atau ubat yang harus saya elakkan apabila saya mengambil ubat ini?

Anda harus elakkan minum minuman keras dengan ubat ini kerana ini boleh meningkatkan risiko anda mendapat gula darah rendah.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil kontraseptif oral, kerana anda perlu menjarakkan pengambilan ubat ini daripada sesetengah kontraseptif oral.

Bagaimanakah harus saya simpan ubat ini?

Simpan Soliqua® yang belum dibuka di dalam peti sejuk antara 2 hingga 8 darjah Celsius.

Jangan bekukan.

Jangan simpan ubat ini di tempat yang panas (contohnya, di dalam kenderaan yang panas dan tertutup, di atas peti televisyen) atau dedahkannya kepada haba atau cahaya matahari. Jangan gunakan jika ini berlaku.

Setelah dibuka, pena Soliqua® tidak boleh disejukkan. Simpan pena yang sudah dibuka di tempat yang sejuk dan kering, jauh dari haba dan cahaya matahari secara langsung. Ubat yang telah terdedah kepada cahaya matahari secara langsung untuk tempoh yang lama boleh bertukar warna menjadi kuning-coklat. Jika ini berlaku, jangan gunakan pena itu dan buka yang baharu. Buang pena Soliqua® 4 minggu selepas dibuka.

Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak. Buang ubat selepas tarikh luput.

Bagaimanakah harus saya buang ubat ini dengan selamat?

Anda boleh membuang suntikan ini bersama jarum yang telah digunakan ke dalam tin logam atau bekas plastik tebal (contohnya, botol detergen). Anda juga boleh membeli bekas yang diperbuat khas untuk menampung barang tajam yang dibuang, yang dikenali sebagai kotak barang tajam, bagi mengelakkan sebarang kecederaan akibat jarum.

Penafian

Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang diberikan di atas bukan senarai lengkap semua kemungkinan kesan sampingan. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai ubat atau anda mengalami kesan sampingan lain yang anda fikir disebabkan oleh ubat ini, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mengambil lebih daripada dos yang disyorkan, sila dapatkan nasihat perubatan dengan segera. Maklumat yang diberikan di halaman ini tidak menggantikan maklumat daripada profesional penjagaan kesihatan anda. Sila rujuk kepada profesional penjagaan kesihatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Rencana ini dihasilkan secara bersama oleh para anggota kumpulan kerja Maklumat Ubat Kebangsaan (NMI), dan disokong oleh Kementerian Kesihatan. Kumpulan kerja ini terdiri daripada rakan kongsi kelompok (National Healthcare Group, Sistem Kesihatan Universiti Nasional dan SingHealth), farmasi masyarakat (Guardian, Unity dan Watsons) dan Persatuan Farmaseutikal Singapura. Kandungannya tidak menggambarkan ketersediaan

ubat dan maklumat bekalan di farmasi dan institusi penjagaan kesihatan. Anda dinasihatkan untuk bertanya kepada institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut.